

Ms.30

Rabu, 27 September 2017 BH

→ WILAYAH

Kedah komited selesai dua projek terbengkalai

➔ Kerajaan negeri jamin pembeli dapat rumah tahun depan

Oleh Adha Ghazali
adha@bh.com.my

➔ Pokok Sena

Kerajaan negeri komited untuk menyelesaikan dua projek perumahan terbengkalai di Kuala Kedah dan Langkawi, dekat sini, dengan jangkaan siap selewat-lewatnya tahun depan.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga Kedah, Datuk Badrol Hisham Hashim, berkata keyakinan itu susulan rundingan dilakukan pihaknya yang menunjukkan kesan positif dari segi usaha penyelesaian.

"Saya sendiri memang pantau kerana di Kedah kita ada empat projek terbengkalai semuanya, dua daripadanya sudah kita selesaikan dan pemilik juga sudah dapat kunci rumah masing-masing.

Sudah bermesyuarat

"Untuk baki dua projek itu, kita sudah adakan mesyuarat dengan Bahagian Pemuliharaan Projek Terbengkalai di Jabatan Perumahan Negara dan apa yang kita dapati ada jalan penyelesaian dalam tempoh terdekat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci Projek Perumahan Bandar Sejahtera Pokok Sena Fasa 1 Zon 2 kepada 91 pe-



(FOTO SHAHRIZAL MD NOOR/BH)

Badrol Hisham (dua dari kiri) menyerahkan replika kunci kepada penerima pada Majlis Penyerahan Kunci Projek Perumahan Bandar Sejahtera di Pokok Sena, semalam.

Fakta nombor

2 PROJEK rumah terbengkalai di Kuala Kedah dan Langkawi

180 PEMBELI terjejas

milik rumah, di tapak projek berkenaan, semalam.

Projek dengan nilai pembangunan kasar RM25.8 juta itu disempurnakan Kynetics Land Sdn Bhd sejak selaku anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK), menyediakan 95 unit rumah teres dua tingkat dengan harga bermula RM230,000.

Minta pembeli sabar

Pada masa sama, Badrol Hisham meminta kira-kira 180 pembeli rumah di dua projek terbengkalai di Kuala Kedah dan Langkawi itu bersabar kerana jalan penyelesaian sedang diusahakan.

"Kita faham pembeli dah lama tunggu sehingga sampai 10 tahun,

namun kita harap masing-masing dapat bersabar kerana rundingan menunjukkan jalan positif dan insya Allah semua pembeli akan dapat rumah masing-masing selewat-lewatnya tahun depan," katanya.

Mengenai projek di Bandar Sejahtera pula, Badrol Hisham melahirkan rasa syukur kerana ia berjaya disempurnakan selepas beberapa tahun tergendala sejak ia dimulakan pada 2014, sekali gus menamatkan penantian pembeli.

"Jika diambil kira harga disediakan, iaitu dari RM230,000 seunit, projek ini dilihat cukup kompetitif dari segi harga dan lokasi, malah reka bentuknya juga menarik," katanya.